

13 DEC 1998

Umno-Ku Li

SAYA TIDAK ADA RANCANGAN UNTUK BERTANDING, KATA KU LI

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Bekas naib presiden Umno Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau belum mempunyai rancangan untuk bertanding bagi sebarang jawatan penting dalam parti pada Perhimpunan Agung Umno tahun depan.

Katanya masih terlalu awal baginya untuk membuat sebarang keputusan.

" Saya tak ada rancangan, belum ada rancangan lagi, terlampau awal dan saya rasa baik kita tunggu...tengoklah," katanya kepada pemberita selepas ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Agung Khas Umno di sini hari ini.

Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 kini disebut-sebut di kalangan pelbagai pihak akan bertanding bagi jawatan timbalan presiden Umno yang kosong selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim 3 Sept lepas.

Beliau yang tidak mahu mengulas lanjut perkara itu apabila ditanya pemberita lebih banyak merujuk kepada ucapan Perdana Menteri yang menurutnya harus dijadikan panduan semua pihak untuk mengukuhkan kedudukan Umno.

"...Termasuk semua pihak yang jadi calon dan yang tak jadi calon, mesti mengamati agar tidak terpengaruh untuk menjadi sebab parti menjadi lemah dan akhirnya berpecah," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata pemilihan seseorang pemimpin hendaklah diasaskan kepada perwatakan calon, kebolehannya dan kualiti-kualiti lain yang menyesuaikan sebagai pemimpin.

"Ini kerana orang yang barangkali ada perasaan rendah diri, tidak akan dapat mendisiplin diri dan tidak ada kekitaan kepada negara kerana sanggup diperalatkan oleh orang lain.

"Kita sudah tengok di beberapa negara perkara ini berlaku," kata Tengku Razaleigh.

Tidak bermakna kita merdeka jika apa yang dibina oleh rakyat berkecai hancur, katanya lagi.

-- BERNAMA

MS RON